



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENUBUHAN MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGERI (MSDNg) TERENGGANU

Terengganu mencatatkan negeri keenam menubuhkan Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg)

KUALA TERENGGANU, 10 Oktober 2023 - YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu telah mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Terengganu pada hari ini. Penubuhan MSDNg Terengganu ini merupakan susulan daripada keputusan mesyuarat tertinggi Majlis Statistik dan Data Negara Bil.1/2022 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada 27 Januari 2022. Penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDNg) dan Majlis Statistik Data Daerah (MSDD) di setiap Negeri adalah penting bagi memperkasakan tadbir urus sistem statistik Negeri dan Daerah sehingga peringkat terkecil seperti kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu, Terengganu merupakan Negeri keenam yang telah mengadakan Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) iaitu selepas Selangor, Pulau Pinang, Perak, Wilayah Persekutuan dan Perlis. Penubuhan Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) bagi Kerajaan Negeri Terengganu telah diluluskan penubuhannya melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMKN) Negeri Terengganu kali ke 11 Tahun 2023 pada 22 Februari 2023.

Penubuhan MSDNg ini merupakan satu agenda utama dalam Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) yang bertujuan memperkukuh sistem statistik sedia ada dengan penyelarasan yang lebih berkesan dalam membekalkan data bagi merangka dasar dan pembangunan negara.

Keanggotaan MSDNg Terengganu adalah seramai 49 orang yang terdiri daripada Menteri Besar, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah, Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri. Pada hari ini juga, turut diadakan Pelancaran Unit *Geographic Information System* (GIS) Negeri Terengganu (UGIST) yang diselaraskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN) dan merupakan agensi induk sebagai pemantau dan sumber maklumat rasmi ekonomi negeri meliputi maklumat hasil guna tanah bagi keseluruhan sektor di negeri Terengganu.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA MALAYSIA NEGERI TERENGGANU
10 OKTOBER 2023